

Rabu, 1 Jun 2016

## 1. Wujud SOP baharu sistem perolehan awam

KUALA LUMPUR 1 Jun - Kerajaan digesa mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) baharu dalam sistem perolehan perkhidmatan awam bagi memastikan kerajaan dapat mengurangkan kerugian akibat ketirisan dalam sektor itu.

Naib Pengurus Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, SOP itu juga mesti dilaksanakan dengan kawalan dan pemantauan sistem dalam yang ketat supaya tidak ada kelemahan yang boleh dieksplotasi kakitangan tidak jujur.

"Mekanisme semak dan imbang mesti diwujudkan dalam proses kelulusan dan perolehan supaya tidak ada ruang untuk penipuan dan penyelewengan. Perkara ini penting kerana sebarang kelemahan atau kekurangan dalam penyampaian perkhidmatan akan menimbulkan persepsi negatif terhadap perkhidmatan awam," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri I, yang dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru mendedahkan beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs), satu inisiatif dalam talian yang membantu pihak berkenaan memeriksa penumpang yang memasuki dan meninggalkan negara.

Laporan Ketua Audit Negara juga mendedahkan bahawa perolehan bekalan peralatan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang tidak memenuhi spesifikasi menyebabkan jabatan tersebut mengalami kerugian RM840,000.

Khamis, 2 Jun 2016

## 2. Tidak terlepas didakwa sabotaj

### Buang 15 pegawai imigresen kes myIMMs ikut undang-undang

TOKYO 1 Jun - Tindakan menamatkan perkhidmatan 15 pegawai daripada 37 anggota imigresen kerana mensabotaj Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) dibuat setelah melalui proses dan peraturan undang-undang ditetapkan di bawah Perintah Am (General Order) Jabatan Perkhidmatan Awam, kata Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan tegas itu juga melibatkan siasatan terperinci sebelum langkah sedemikian diambil dan pihak berkuasa tidak melakukan secara sewenang-wenang.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri menambah, walaupun diambil tindakan menamatkan perkhidmatan, namun pegawai dan anggota terbabit masih tidak terlepas daripada didakwa di mahkamah mengikut undang-undang sedia ada.

Menurutnya, siasatan telah dilakukan oleh Jabatan Imigresen sejak enam tahun lalu sebelum tindakan terhadap pegawai dan anggotanya itu dibuat dan ia melibatkan siasatan berterusan hingga kini.

Jelas beliau, siasatan dibuat berikutan laporan media mengenai pendatang asing tanpa izin yang bolos berlaku di pintu masuk utama negara termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen telah melakukan tindakan proaktif dengan siasatan dibuat sejak enam tahun lalu berikutan laporan media masa mengenai pendatang asing tanpa izin yang bolos di pintu masuk dan KLIA.

"Daripada siasatan yang dijalankan secara berterusan itu maka tindakan tegas kini diambil setelah melalui proses undang-undang yang ada," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri mengulas mengenai tindakan Jabatan Imigresen menamatkan perkhidmatan seramai 15 pegawai daripada 37 anggota yang dikenakan tindakan tatatertib kerana mensabotaj myIMMs.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Seri Sakib Kusmi berkata, 14 orang daripadanya digantung kerja dan lapan orang lagi ditangguhkan kenaikan gaji.

Tindakan juga akan diambil terhadap 20 lagi pegawai atas kesalahan yang sama namun masih menunggu hasil siasatan penuh polis.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan pemain-pemain industri dari syarikat-syarikat gergasi elektronik dan permotoran Jepun dalam usaha mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dua hala Malaysia-Jepun sempena lawatan kerja beliau ke Jepun.

Ahmad Zahid turut mengadakan kunjungan hormat dan perbincangan dengan Menteri Luar Jepun, Fumio Kishida dan Menteri Kehakiman Jepun, Mitsuhide Iwaki, di sini.

Di samping itu, beliau berkata, laporan sebuah media elektronik asing mengenai tindakan terhadap pegawai imigresen itu ada kaitan dengan anggota pengganas bolos ke Malaysia adalah tidak tepat. - UTUSAN

Khamis, 2 Jun 2016

### **3. Suami isteri didakwa Miliki cap palsu 12 pegawai perubatan**

SEREMBAN 1 Jun - Sepasang suami isteri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini terhadap 12 pertuduhan memiliki cap palsu pegawai perubatan, bulan lalu.

Arifin Musa, 34, dan isterinya, Nor Amalina Nor Azhar, 29, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan ke atas mereka dibacakan di hadapan Majistret Rahimah Rahim.

Berdasarkan pertuduhan yang dibacakan secara berasingan, pasangan itu dituduh memiliki cap atas nama 12 pegawai perubatan Hospital Tuanku Ja'afar Seremban dengan mengetahui cap tersebut boleh digunakan untuk melakukan pemalsuan.

Kesalahan itu dilakukan oleh ibu bapa kepada lima anak terbabit di sebuah rumah bernombor di Taman Casurina, Paroi di sini kira-kira pukul 9.45 malam pada 25 Mei lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, Ainnan Mohd. Rasid mengemukakan pendakwaan mengikut Seksyen 473 Kanun Keseksaan. Sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara sehingga tujuh tahun dan denda.

Peguam Syed Fadil Syed Othman daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) mewakili kedua-dua tertuduh.

Rahimah membenarkan Arifin dan Nor Amalina masing-masing diikat jamin RM14,400 dengan seorang penjamin. Keluarga tertuduh membayar ikat jamin tersebut.

Mahkamah kemudian menetapkan 24 Jun ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Jumaat, 3 Jun 2016

### **4. Lembaga pengarah 1MDB sedia laksana saranan PAC**

KUALA LUMPUR 2 Jun - Lembaga Pengarah 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) baharu sedia melaksanakan segala saranan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk memulihkan syarikat pelaburan strategik itu seterusnya menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Pengerusi Lembaga Pengarah 1MDB yang baharu dilantik, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, beliau akan meneliti pelbagai aspek dengan menyeluruh sebelum mengambil tindakan selanjutnya.

Mohd. Irwan Serigar yang juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan memberitahu, beliau perlu berbincang dengan Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda Kandasamy mengenai hala tuju syarikat pada masa akan datang.

"Antara aspek yang bakal dibincangkan adalah tentang penyelesaian hutang dan cara untuk membangunkan aset 1MDB dengan pihak swasta yang telah menandatangani perjanjian.

"Kami akan jalankan segala urusan dengan secepat mungkin," katanya, namun tidak memberi tempoh masa spesifik bagi perbincangan itu, di sini hari ini.

Mohd. Irwan Serigar berkata demikian kepada pemberita selepas berkongsi panduan mengenai keusahawanan kepada 3,000 pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi dekat di sini.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Irwan Serigar bakal menjadi tenaga pengajar di UKM menerusi pengenalan subjek baharu, Kelas Sarjana Keusahawanan di bawah program CEO@Faculty.

Kelas keusahawanan yang bertujuan melahirkan usahawan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) itu bakal bermula pada minggu kedua September ini sehingga Januari 2017.

Mohd. Irwan Serigar yang juga Pengerusi Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) berkata, beliau bukan sahaja akan memberi tunjuk ajar kepada pelajar terlibat, malah bakal turun padang mencari kira-kira 30 pelajar untuk menyertai kelas itu.



Selasa, 7 Jun 2016

##### 5. 950 kompaun berkaitan denggi dikeluarkan

KUALA LUMPUR 7 Jun - Sebanyak 950 kompaun bernilai RM475,000 telah dikeluarkan Kementerian Kesihatan sepanjang tempoh lima bulan pertama tahun ini atas pelbagai kesalahan berkaitan penyakit denggi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sejak operasi penguatkuasaan pembiakan aedes secara besar-besaran di seluruh negara, sebanyak 182,223 premis telah diperiksa.

Daripada jumlah itu katanya, sebanyak tujuh tapak pembinaan daripada 154 yang diperiksa telah diarahkan tutup.

"Sebanyak 12 tapak pembinaan telah dibawa ke mahkamah iaitu lima di Selangor, Kuala Lumpur (3), Putrajaya (3), Terengganu (3) dan Negeri Sembilan (1), katanya dalam kenyataan.

Beliau menambah, jumlah kumulatif kematian denggi dari Januari sehingga 28 Mei lalu mencatat penurunan sebanyak 32 kematian berbanding 141 kematian bagi tempoh sama tahun lepas.

Selain itu, ujarnya, bilangan lokaliti wabak pada minggu ke-20 dan 21 tidak berubah iaitu sebanyak 418 lokaliti.

Dalam pada itu, lokaliti kawasan panas berkurangan kepada 60 berbanding minggu sebelumnya, 73, yang melibatkan lima buah negeri iaitu di Selangor (50 lokaliti), Johor (enam), Perak (dua), Putrajaya (satu) dan Terengganu (satu).



Jumaat, 10 Jun 2016

#### **6. Sabotaj myIMMs: 5 lagi ditahan**

KUALA LUMPUR 9 Jun - Lima pegawai imigresen yang ditahan polis bagi membantu siasatan berhubung sabotaj Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) merupakan pegawai muda yang dipercayai baru sahaja berjinak-jinak dengan kegiatan itu.

Difahamkan, ada antara suspek berusia antara 23 tahun hingga 29 tahun itu baru bertugas dengan Jabatan Imigresen.

Kesemua mereka ditahan bermula Selasa lalu sehingga semalam di beberapa lokasi termasuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Tangkapan terhadap kesemua suspek dibuat mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma).

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar yang mengesahkan perkara itu berkata, operasi terbabit merupakan inisiatif pihaknya bagi mengenal pasti mereka yang terlibat mensabotaj sistem tersebut.

"Susulan penahanan itu, kita turut merampas beberapa dokumen yang kita percaya boleh membantu siasatan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad Ke-81 di sini hari ini.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mendedahkan kira-kira 100 orang merangkumi pegawai imigresen peringkat pertengahan ke bawah dan anggota sindiket berada di bawah siasatan pihak berkuasa kerana disyaki melakukan sabotaj terhadap myIMMs.

Susulan pendedahan itu, seramai 37 pegawai imigresen daripada kakitangan pelbagai skim perkhidmatan peringkat sokongan yang bertugas di pintu masuk utama negara dikenakan tindakan tatatertib kerana dipercayai terlibat mensabotaj myIMMs.

Daripada jumlah itu, seramai 15 orang turut dibuang kerja manakala 14 orang digantung kerja dan lapan orang lagi ditangguhkan kenaikan gaji.

Dalam pada itu, siasatan polis turut mengenal pasti perancang utama sindiket yang dipercayai melakukan kegiatan tersebut.



Jumaat, 10 Jun 2016

## 7. Peruntukan RM2 juta tingkatkan kemudahan Hospital Kuala Kangsar

KUALA KANGSAR 10 Jun - Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi menambah baik pelbagai kemudahan dan kelengkapan peralatan di Hospital Kuala Kangsar dalam tempoh terdekat ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, pihaknya telah mengenal pasti khususnya keperluan peralatan tertentu yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan mutu perkhidmatan hospital itu kepada penduduk Kuala Kangsar.

"Pakar-pakar di Hospital Taiping dan Ipoh juga akan menjalankan tugas di sini secara giliran untuk memberikan rawatan di peringkat pakar," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Hospital Kuala Kangsar, di sini, hari ini.

Beliau berkata perkhidmatan doktor pakar itu juga dilihat akan mengurangkan kesesakan di Hospital Taiping dan Ipoh.

Hospital Kuala Kangsar mempunyai 136 buah katil dan empat wad meliputi wad lelaki, wanita, wad bersalin dan wad kanak-kanak dengan kekuatan jumlah doktor sebanyak 18 orang.

Berkenaan menaikkan hospital itu bertaraf hospital pakar, Subramaniam berkata, perkara tersebut bergantung kepada keadaan dan keupayaan kewangan kerajaan.

Mengulas mengenai Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kangsar, beliau yang juga Presiden MIC berkata, sebanyak 2,299 pengundi India layak mengundi untuk PRK itu pada 18 Jun ini.

Beliau berkata, jentera kempen MIC sedang mengenal pasti semua pengundi berkenaan dan setakat ini sentimen pengundi dilihat positif dalam menyokong calon Barisan Nasional, Datin Mastura Mohd. Yazid. PRK itu menyaksikan pertandingan empat penjuru antara BN, PAS, Amanah dan Bebas. - BERNAMA

Selasa, 14 Jun 2016

## 8. AirAsia mahu KLIA2 ditukar nama LCCT2

KUALA LUMPUR 13 Jun - Syarikat penerbangan tambang murah AirAsia menganggap nama KLIA2 tidak membawa apa-apa maksud dan mahu lapangan terbang itu ditukar nama kepada Terminal Penerbangan Tambang Murah 2 (LCCT2).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes berkata, penggunaan nama LCCT2 akan lebih membantu bagi mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur sebagai pintu masuk utama pasaran tambang murah di Asia.

"Seiring dengan hasrat untuk menggelarkan pasaran ini sebagai Dubai di rantau Asia, kami mahu seluruh dunia mengetahui penerbangan tambang murah yang terbaik berada di Malaysia.

"Bagi saya KLIA2 tidak membawa sebarang makna. Sebaliknya LCCT2 lebih sinonim dengan penerbangan tambang murah. Ia merupakan jenama yang dibangunkan oleh AirAsia bersama Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) dan ia tidak seharusnya dipersia-siakan.

"Saya mahu MAHB berhenti daripada menafikan bahawa lapangan terbang itu adalah hab bagi perkhidmatan tambang murah," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

KLIA2 merupakan sebahagian daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi memenuhi segmen penerbangan tambang murah, menggantikan LCCT yang lama. KLIA2 mula beroperasi pada Mei 2014 dengan kapasiti yang mampu memuatkan 45 juta penumpang dalam setahun.

Pembinaan KLIA2 mencetuskan pelbagai kontroversi sejak dari mula pembinaan dengan kosnya mencecah RM4 bilion iaitu melebihi anggaran sebenar selain tapak kapal terbang berlepas yang tidak rata. Malah, AirAsia sebelum itu turut mendakwa ciri-ciri pembinaan KLIA2 tidak memenuhi ciri-ciri lapangan terbang tambang murah.

Dalam kenyataan itu juga, Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Bhd., Aireen Omar berkata, syarikatnya ketika ini menguasai 97 peratus operasi yang berlaku di lapangan terbang tersebut membabitkan purata 37,000 pengguna sehari. Katanya, tahun lalu AirAsia menerbangkan lebih 2.3 juta penumpang melalui hab Kuala Lumpur.

Jelas beliau lagi, AirAsia berperanan penting untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat yang menghubungkan perkhidmatan tambang murah di rantau ini. Malah berjaya menarik penumpang dari Singapura selain mencipta trafik penumpang yang tinggi dari atau ke China.

"Kami mahu MAHB mengiktiraf Kuala Lumpur sebagai hab penerbangan tambang murah yang sebenar. Mereka perlu mengubah pemikiran mereka bagi memenuhi model penerbangan tambang murah.

"Lapangan Terbang Don Muaeng (Thailand) kini telah mengatasi KLIA2 sebagai LCCT terbesar dunia hasil kerja sama rapat mereka untuk membawa trafik yang tinggi. MAHB perlu melakukan kaedah yang sama untuk mengembalikan kedudukan Malaysia di dalam aspek ini," katanya.

AirAsia ketika ini mengendalikan 220 penerbangan sehari dari atau ke Kuala Lumpur. Jelas syarikat itu, penumpang yang menggunakan perkhidmatannya akan terhubung dengan 100 destinasi di 24 negara melalui Kuala Lumpur. Sementara itu, pihak MAHB yang dihubungi enggan mengulas mengenai pendirian AirAsia tersebut.



Selasa, 14 Jun 2016

#### 9. Beri kami bukti - KSU

#### 'Tangan ghaib' lindungi seleweng LPG

PUTRAJAYA 13 Jun - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan meminta pihak yang mendakwa wujudnya 'tangan ghaib' melindungi kegiatan penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) supaya tampil dan menyerahkan bukti mengenai perkara tersebut untuk diambil tindakan.

Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Jamil Salleh berkata, bukti itu bagi membolehkan pihaknya melakukan siasatan kerana sukar untuk kementerian mengambil sebarang bentuk tindakan berdasarkan dakwaan semata-mata.

"Beri kami bukti 'tangan ghaib' itu, kami akan ambil tindakan tegas termasuk ke atas kakitangan sendiri jika terbukti ada yang terbabit dalam penyelewengan bahan bersubsidi ini.

"Kementerian memandang serius perkara ini jika benar ada 'tangan ghaib' yang bertindak melindungi aktiviti haram tersebut. Perbuatan ini mendatangkan kerugian besar kepada negara," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Semalam, Presiden Persatuan Perlindungan Pengguna Malaysia (PPPM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah dilaporkan berkata, kegiatan penyelewengan LPG akan terus berleluasa sekiranya pihak berkuasa tidak membanteras 'tangan ghaib' yang melindungi aktiviti haram berkenaan.

Mingguan Malaysia kelmarin mendedahkan mengenai masalah penyelewengan bahan bersubsidi khususnya LPG yang terus berlaku di negara ini.

Berhubung perkara itu, Jamil mengakui kementerian menghadapi masalah kekurangan kakitangan untuk membanteras kegiatan penyelewengan itu, sebab itu kerjasama daripada semua pihak amat dialu-alukan.

Menurutnya, kementerian sentiasa terbuka jika ada individu yang ingin melaporkan penglibatan mana-mana pihak dalam isu penyelewengan bahan bersubsidi termasuk salah laku yang dilakukan oleh pegawai kerajaan.

Tegas beliau lagi, berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada, tindakan boleh diambil selepas pihak terlibat terbukti bersalah berdasarkan siasatan yang dijalankan.

"Kita menyambut baik kerjasama pelbagai pihak bagi membantu kerajaan menangani kes penyelewengan bahan bersubsidi demi kebaikan negara," katanya.



Selasa, 14 Jun 2016

#### **10. Sektor pembinaan diunjur kekal positif**

KUALA LUMPUR 13 Jun - RAM Ratings mengekalkan unjuran positif bagi sektor pembinaan di negara ini, disokong oleh kadar yang kukuh daripada aliran projek dan aktiviti pembinaan.

Menurut agensi penarafan itu, dengan pertumbuhan 8.2 peratus pada 2015, sektor pembinaan kekal sebagai segmen paling pesat berkembang dalam ekonomi domestik.

Jelasnya, pemberian kontrak untuk kerja landasan kereta api dan berkaitan jalan telah meningkat, terutamanya bagi projek Transit Aliran Massa (MRT) Aliran 2 Lembah Klang dan Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak dengan bidang kerja diumumkan setakat ini telah melebihi RM25 bilion.

Katanya, beberapa projek besar juga menjalani proses tender dan peningkatan dalam kadar kerja infrastruktur dijangka mengimbangi segmen harta tanah yang lebih lembab seterusnya dapat mengekalkan pendapatan syarikat-syarikat pembinaan.

"Kebanyakan syarikat besar yang tersenarai kini mempunyai buku pesanan meliputi sekurang-kurangnya 1.7 kali ganda daripada perancangan pembinaan mereka. Namun, tumpuan projek untuk syarikat pembinaan dijangka kekal tinggi," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Jelas agensi penarafan itu, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi sektor pembinaan berkembang pada kadar 7.9 peratus pada suku pertama tahun ini, tetapi dijangka menyederhana kepada 7.1 peratus bagi tempoh setahun penuh.

Rabu, 15 Jun 2016

### 11. Najib nafi salah guna kedudukan, jawatan

KUALA LUMPUR 14 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak menafikan telah menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri untuk mengganggu siasatan mana-mana kementerian atau pihak berkuasa berhubung isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Saya tidak pernah menyalahgunakan kedudukan sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden UMNO untuk meneruskan amalan rasuah seperti yang didakwa. Dengan itu, plaintiff perlu membuktikan semua dakwaan yang dibuat mereka," tegas Ahli Parlimen Pekan itu.

Tambahnya, tiada apa yang didakwa oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan; dan bekas ahli Wanita UMNO Langkawi, Anina Saadudin dalam pernyataan tuntutan mereka menunjukkan berlakunya salah laku berkaitan kes 1MDB dan dana RM2.6 bilion.

Najib berkata demikian dalam pernyataan pembelaannya yang difaiklan semalam melalui firma guaman, Tetuan Hafarizam Wan Aisha Mubarak di Mahkamah Tinggi di sini dan diperoleh oleh pihak media hari ini.

Pada 23 Mac lalu, Dr. Mahathir, 90, Khairuddin, 54, dan Anina, 41, selaku plaintiff pertama hingga ketiga memfailkan saman terhadap Najib atas dakwaan salah laku.

Mereka memohon perisytiharan bahawa Najib melakukan perbuatan salah laku dalam jawatan awam selaku Perdana Menteri, Pengerusi BN dan Presiden UMNO dengan mengganggu siasatan dakwaan salah laku kewangan berhubung 1MDB dan syarikat berkaitan serta siasatan aliran masuk RM2.6 bilion dan RM42 juta daripada SRC International ke dalam akaun peribadinya.

Permohonan Najib untuk membatalkan saman itu akan didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi di sini, Abu Bakar Jais pada 23 Jun ini.

Menurut pernyataan pembelaan tersebut, Najib menyatakan, tindakan pihak polis untuk menyoal siasat Dr. Mahathir berhubung kenyataan yang dikatakan memfitnah Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali adalah prerogatif pihak polis dan tiada kaitan dengan dirinya.

Menurutnya, beliau tidak mempunyai sebarang kawalan terhadap kuasa dan tugas yang dijalankan oleh Mohamed Apandi dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar serta pegawai-pegawaiannya kerana tugas mereka telah digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Beliau juga mendakwa bahawa Khairuddin tidak mempunyai kausa tindakan terhadap dirinya kerana plaintif kedua itu sendiri tidak menggunakan peruntukan undang-undang sedia ada bagi memulakan tindakan atas dakwaan penahanan salah terhadap pihak berkuasa yang menahannya.

"Plaintif ketiga yang merupakan bekas ahli UMNO dan tertakluk di bawah Perlembagaan UMNO secara kontraktual dan sebarang kausa tindakan, sekiranya ada, adalah terhadap UMNO atau pegawai-pegawai pertubuhan itu," katanya.

Selain itu, Najib menyatakan, bagi membuktikan berlakunya salah laku sebagai penjawat awam, kesemua plaintif perlu membuktikan bahawa beliau adalah seorang kakitangan kerajaan.

"Selaku Pengerusi BN dan Presiden UMNO saya tidak menjalankan tugas sebagai penjawat awam mahupun bertindak sebagai fidusiai seperti yang dikatakan oleh kesemua plaintif," katanya.

Sementara itu, dakwaan berkaitan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin adalah satu pelaksanaan prerogatif diraja sebagaimana terkandung dalam Perkara 43(5) Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung tuntutan ganti rugi teladan sebanyak RM2.6 bilion dan ganti rugi teruk sebanyak RM42 juta untuk dibayar kepada kerajaan Malaysia, Najib menyatakan tuntutan tersebut adalah tidak wajar kerana ia tidak dinamakan sebagai pihak dalam saman tersebut.

Oleh yang demikian, Najib memohon agar saman tersebut ditolak dengan kos.



Isnin, 20 Jun 2016

## 12. Najib lawat tapak hospital baharu Kuala Krai

KUALA KRAI 19 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meluangkan masa melawat serta meninjau kerja-kerja pembinaan projek hospital baharu daerah ini di Pahi di sini.

Perdana Menteri tiba di kawasan pembinaan tersebut pada pukul 4.55 petang dan disambut Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya.

Yang turut mengiringi Najib ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Datuk Ramzi Ab. Rahman.

Perdana Menteri kemudian mendengar taklimat daripada Wakil Pengarah Projek Utama Jabatan Kerja Raya (JKR), Alias Adam kira-kira 10 minit mengenai kemajuan hospital baharu berkenaan sebelum beredar kira-kira pukul 5.20 petang.

Ini merupakan kunjungan kali pertama Najib ke tapak projek hospital baharu Kuala Krai yang dijangka siap sepenuhnya menjelang Mei tahun depan.

Hospital baharu Kuala Krai yang bernilai RM304 juta itu akan menjadi mercu tanda serta kebanggaan rakyat negeri ini.

Projek yang tersenarai di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 ini telah diumumkan Perdana Menteri sewaktu pembentangan Belanjawan 2012 pada Oktober 2011.

Hospital di atas tapak seluas 100 hektar itu mula dibina pada Mei 2014 dan kini sedang berada di fasa kedua yang telah 55 peratus telah siap.

Projek itu melibatkan pembinaan 11 buah wad dengan 268 katil, lapan buah dewan bedah, lapan bilik bersalin serta pusat rawatan harian.

Selain itu, hospital tersebut juga bakal dilengkapi dengan kemudahan perkhidmatan 13 kepakaran khusus untuk rakyat di kawasan selatan negeri ini.



Jumaat, 24 Jun 2016

### **13. Penjawat awam diingat jaga rahsia kerajaan -Zahid**

PUTRAJAYA 23 Jun - Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengingatkan penjawat awam agar sentiasa menjaga rahsia kerajaan dan tidak membocorkannya kepada pihak luar.

Timbalan Perdana Menteri berkata, meskipun kerajaan telah menguatkuasakan undang-undang bagi mengekang perkara berkenaan, setiap individu perlu juga melengkapkan diri dengan nilai 'self impose' atau 'self enforce'.

"Pegawai kerajaan tertakluk tatacara dan tataetika perkhidmatan, kalau ada kalangan kita yang ada perasaan untuk membocorkan atau kongsi rahsia dengan pihak luar, undang- undang tetap ada.

"Kita punya Akta Rahsia Rasmi (OSA), tapi ia hanya undang-undang yang menjadi panduan, penguatkuasaan yang sebenar adalah diri kita sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Berbuka Puasa Timbalan Perdana Menteri bersama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Sri Satria di sini hari ini.

Yang turut hadir isteri beliau, Datin Seri Hamidah Khamis; kedua-dua Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed dan Masir Anak Kujat; Ketua Setiausaha KDN, Datuk Alwi Ibrahim dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Dalam majlis yang dihadiri 1,200 tetamu itu, Ahmad Zahid turut menyampaikan sumbangan kepada 100 anak yatim dan fakir miskin dari Tahfiz Al-taqwa dan Rumah Kasih Harmoni, Sungai Buloh, Selangor.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, perkara melibatkan rahsia tersebut bukanlah satu amaran sebaliknya sebagai peringatan kepada semua penjawat awam terutama ketika bulan Ramadan.

"Amalan yang baik seperti menyimpan rahsia perlu dibuat bukan setakat pada bulan Ramadan sahaja tetapi ia perlu dilakukan pada setiap masa dan ketika."

"Kita telah bersumpah atas nama Allah untuk menyimpan rahsia jadi sekiranya kita langgar sumpah itu kita akan dilaknat. Sebelum itu terjadi, saya ingatkan pegawai awam termasuk di KDN supaya menjaga sumpah yang sudah dibuat," katanya.



Selasa, 28 Jun 2016

#### 14. Rasuah: SPRM tahan seorang lagi pegawai imigresen Sibu

**Pegawai wanita imigresen ditahan minta suapan**

**SIBU 26 Jun** - Tindakan seorang pegawai wanita di Jabatan Imigresen Sibu meminta wang suapan sebanyak RM6,000 mengundang padah apabila ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini semalam.

Menurut sumber, pegawai tersebut ditahan di dalam kenderaan yang dinaiknya di Ulu Sungai Merah selepas menerima wang suapan berkenaan kira-kira 11.50 malam.

"Walaupun dia berada di bala-

kan terhadap pengadu yang dikatakan mengambil pekerja warga asing bekerja tanpa permit.

"Difaharkan, sebelum itu pihak imigresen telah melakukan pemeriksaan dan menahan beberapa pekerja warga asing yang bekerja dengan pengadu kerana dipercayai tiada permit kerja yang sah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, selepas ditahan imigresen, pegawai wanita itu dipercayai menghubungi penyata SPRM agar tidak mengambil tindakan undang-undang kepadanya.

"Pengadu bersetuju dengan syarat tersebut. Selepas itu dia menghubungi pihak SPRM bagi melaporkan kegiatan rasuahnya.

Sementara itu, Pengarah SPRM negeri, Datuk Badlishah Norman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan pegawai imigresen berkenaan.

Katanya, siasatan kes dijalankan mengikut Seksyen 14(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

KERATAN Utusan Malaysia semalam.

SIBU 27 Jun - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberkas seorang lagi pegawai kanan di Jabatan Imigresen Sibu kerana disyaki turut terlibat menerima wang suapan RM6,000 daripada seorang majikan yang menggaji pekerja asing secara haram.

Suspek berusia 34 tahun ditangkap kira-kira pukul 8.45 malam tadi di Kuarters Persekutuan, Bukit Lima di sini, iaitu selang sehari selepas rakan sejawatan, seorang pegawai imigresen wanita ditahan kelmarin.

Sumber memberitahu, pegawai kanan yang dipercayai bertugas sebagai Ketua Unit Pengawalkuasa di jabatan itu, ditahan setelah disyaki menerima wang suapan berkenaan.

"Wang suapan itu sebagai dorongan untuk membantu seorang majikan melepaskan diri agar tidak dikenakan tindakan undang-undang kerana menggaji pekerja warga asing yang tidak memiliki permit kerja sah."

"Suspek kemudian dibebaskan dengan jaminan SPM setelah kenyataannya diambil malam tadi," katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini hari ini.

Kira-kira pukul 11.50 malam kelmarin, seorang pegawai imigresen wanita di Jabatan Imigresen Sibu ditahan dalam kenderaan dinaiki di Ulu Sungai Merah di sini selepas disyaki menerima wang suapan RM6,000 daripada seorang majikan yang menggaji pekerja asing secara haram.

Kes membabitkan dua pegawai imigresen berkenaan disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama.

Sekiranya disabitkan kesalahan, mereka boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Tambah sumber, siasatan lanjut terhadap pegawai lelaki berkenaan masih dijalankan dan tidak menolak suspek kemungkinan mempunyai berkaitan dengan kes penahanan rakan sejawatan wanitanya.



Khamis, 30 Jun 2016

#### 15. Pecah tanah Hospital Pakar Baling akhir 2016

BALING 29 Jun - Impian penduduk daerah ini untuk memiliki sebuah hospital pakar bakal menjadi kenyataan apabila majlis pecah tanah Hospital Pakar Baling dijangka diadakan akhir tahun ini.

Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, segala prosedur berjalan lancar memandangkan kerajaan kini mempertimbangkan untuk menambah peruntukan pembinaan hospital berkenaan.

"Setakat ini sebanyak RM88 juta sudah diperuntukkan untuk hospital tersebut. Tetapi di atas keprihatinan Kementerian Kesihatan yang merasakan hospital ini perlu dibina dengan lebih besar dan baik, permohonan dibuat bagi mendapatkan tambahan peruntukan RM100 juta lagi.

"Maka ketika ini Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri mempertimbangkan perkara itu. Insya-Allah keputusannya akan diperoleh pada Ogos atau September dan selepas itu majlis pecah tanah boleh dilangsungkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada Jawatankuasa UMNO Cawangan Empat Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayu di Dewan Kenangan Tun Abdul Razak di sini hari ini.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kupang, Datuk Harun Abd. Aziz, Naib Ketua UMNO Bahagian, Datuk Khairul Azhar Abdullah serta Ketua Wanitanya, Datuk Mashitah Ibrahim.

Hospital berkenaan merupakan salah satu daripada aku janji Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum lalu dalam usaha menyediakan kemudahan kesihatan terbaik kepada penduduk negeri ini.

Terdahulu dalam ucapannya pada majlis tersebut, beliau menyeru ahli-ahli UMNO agar berlapang dada untuk berkongsi manfaat serta rezeki yang diterima bersama setiap golongan masyarakat tanpa mengira 'warna' parti.

"Kalau mereka yang susah itu orang Pas sekali pun tak apa, kita bantu kerana ini merupakan amanat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Segala bantuan dan sumbangan kebajikan tidak boleh kita sebagai ahli parti bersikap pilih kasih.

"Dalam apa juu keadaan kita perlu adil. Disebabkan itu pelbagai perkara telah dilaksanakan di sini iaitu pemberian sumbangan kepada lebih 23,000 penduduk sempena Ramadan, membaik pulih 1,387 rumah rosak serta pembinaan 421 rumah baharu untuk golongan memerlukan," katanya.